

30/01/1997

Semua pihak perlu bekerjasama

JAWATANKUASA Kabinet peringkat negeri Sabah sudah mengemukakan laporan berhubung penyeludupan 2,800 balak di negeri itu kepada kerajaan. Laporan itu diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim selepas berlaku tuduh-menuduh antara beberapa pemimpin negeri dan Pusat. Tuduh-menuduh antara kedua-dua pihak tidak menunjukkan sebarang kesan positif bahawa kes itu dapat diselesaikan dengan baik. Sebaliknya ia menimbulkan keriuhan yang sia-sia. Jika perang mulut berlarutan, kes ini tidak dapat diselesaikan segera, sebaliknya syarikat yang terbabit boleh melakukan pelbagai cara untuk mematikan kes itu.

Kita tidak mahu ada pihak yang mungkin mengandaikan perbalahan itu sengaja diatur bagi memindahkan perhatian rakyat daripada membincangkan isu sebenar. Jika andaian ini boleh diterima, kita berpendapat ia bukanlah satu strategi yang boleh diterima. Pertengkaran seperti ini hanya mengeruhkan keadaan dan mengelirukan fakta. Apa yang perlu kita hadapi ialah bagaimana kawasan balak itu boleh diterokai secara haram dengan mudah dan segala hasilnya ditebas tebang, tanpa sedikit pun disedari ramai. Juga, bagaimana pula balak yang sudah ditebang dikeluarkan dari hutan tanpa menghadapi sebarang masalah. Kita yakin jika kawalan dan penguatkuasaan begitu kuat, tidak ada sebatang balak pun boleh terlepas. Tetapi disebabkan kemungkinan kegiatan ini turut membabitkan orang yang ada kuasa, pelbagai peraturan dan prosedur menebas hutan dan membawa hasil keluarannya keluar, begitu sukar dilakukan.

Lojiknya kerja mengeluarkan balak dari dalam hutan memerlukan kepakaran dan jentera berat. Kerja ini perlu dilakukan secara berkumpulan. Ia mustahil dilakukan oleh orang perseorangan. Begitu juga, mereka yang sanggup melakukan kerja ini pastinya sudah biasa dengan keadaan di dalam hutan dan mahir mengenai jalan masuk dan keluar. Malah, mereka juga mungkin mempunyai hubungan antarabangsa hingga mampu menggunakan perkhidmatan perkapalan untuk mengangkut balak yang mereka keluarkan dari hutan Sabah.

Kita bersetuju dengan arahan Anwar supaya Badan Pencegah Rasuah (BPR) menyasat kejadian membabitkan kapal kargo yang menyeludup balak bernilai RM6 juta dengan anggaran royalti berjumlah RM3 juta di Teluk Wallace Pulau Sebatik, Tawau, 17 Januari lalu. Satu perkara lagi ialah mengenai arahan Anwar terhadap pihak terbabit di Sabah dan Semenanjung Malaysia supaya berhenti daripada tuduh-menuduh. Tidak ada gunanya mana-mana pihak mengeluarkan kenyataan tidak perlu, memandangkan laporan mengenainya sudah diserahkan kepada kerajaan manakala BPR juga sudah diarahkan supaya bertindak. Untuk memastikan penyiasatan berjalan lancar, semua pihak hendaklah memberi peluang kepada pihak penyiasatan menjalankan penyiasatan mereka tanpa gangguan. Bagi pihak yang disabitkan dalam kes ini, mereka hendaklah membantu jawatankuasa atau BPR dengan memberi maklumat terperinci berhubung kes itu. Kita yakin maklumat yang ada daripada pihak terbabit akan dapat membantu melicinkan kerja penyiasatan.

Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Abdul Ghapur Salleh mungkin mempunyai maklumat yang tidak dimiliki oleh pasukan penyiasatan. Pada kita kenyataannya berhubung dakwaan balak yang dirampas di Tawau itu sebenarnya adalah dari Sabah tetapi dicatatkan dari Indonesia, adalah satu maklumat yang amat penting, jika dapat dibuktikan. Kemungkinan keadaan ini berlaku adalah besar. Dengan berbuat demikian, pengusaha syarikat terbabit dapat

mengelak daripada membayar royalti.

Kes penyeludupan balak sebenarnya adalah kes pencerobohan terhadap kepentingan negara. Pengusaha syarikat pastinya menebang pokok di kawasan itu tanpa memikirkan soal alam sekitar, biodiversiti dan sebagainya. Perbuatan mereka bukan saja merosakkan hutan, malah segala keindahan semula jadi di dalamnya. Mereka hanya mementingkan wang kerana bagi mereka wang boleh menutup segala kesalahan. Jika mereka dapat melepaskan diri dengan menggunakan kuasa wang, bermakna kegiatan rasuah sudah mengambil tempatnya selain melakukan pencerobohan hutan.

Di Malaysia soal penebangan hutan ini begitu sensitif kepada kita kerana negara kita sering didakwa menebang tebas hutan tanpa kawalan. Selama ini pihak berkuasa menafikan kita melakukan perbuatan itu sesuka hati. Dengan berlakunya kes penyeludupan ini, tidak mustahil sudah berlaku salah sangka. Keadaan ini boleh dianggap orang lain yang dapat hasilnya, kerajaan pula yang dipersalahkan.

(END)